

---

## ANALISIS PENYATA KEWANGAN AGENSI PERSEKUTUAN

---

### 1. PENGENALAN

Analisis penyata kewangan bertujuan menilai prestasi Agensi Persekutuan terhadap lima perkara, iaitu Lebihan atau Kurangan Semasa, Aset dan Liabiliti, Geran Kerajaan Persekutuan, Pinjaman serta Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari. Analisis terhadap syarikat subsidiari yang mengalami kerugian bagi tempoh tiga tahun berturut-turut, iaitu tahun 2020 hingga 2022 juga turut dilaporkan buat pertama kali dalam laporan ini.

### 2. LEBIHAN ATAU KURANGAN SEMASA

2.1. MFRS 101 dan MPSAS 1 - Pembentangan Penyata Kewangan menetapkan semua item hasil dan belanja yang diiktiraf dalam sesuatu tempoh hendaklah diperakaunkan dalam lebihan atau kurangan, melainkan piawaian perakaunan tersebut menghendaki sebaliknya.

2.2. Pada tahun 2022, sebanyak 80 Agensi Persekutuan mencatatkan lebihan semasa selepas kenaan cukai dan zakat berjumlah RM54.677 bilion manakala sebanyak 50 Agensi Persekutuan merekodkan kurangan semasa berjumlah RM4.570 bilion. Lebihan atau kurangan semasa pada tahun 2022 berbanding tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.1**.

**JADUAL 2.1**  
**LEBIHAN/KURANGAN SEMASA AGENSI PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2022**


BUTIRAN	TAHUN 2022*		TAHUN 2021	
	BIL. AGENSI	JUMLAH (RM Bilion)	BIL. AGENSI	JUMLAH (RM Bilion)
Lebihan Semasa	80	54.677	83	82.075
Kurangan Semasa	50	(4.570)	47	(5.590)
<b>JUMLAH</b>	<b>130</b>		<b>130</b>	

Sumber: Lebihan Atau Kurangan Semasa Bersih Berdasarkan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022

Nota: \*Semua Penyata Kewangan adalah bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 kecuali bagi Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia (MIA) yang berakhir pada 30 Jun 2023

2.3. Lima Agensi Persekutuan yang merekodkan lebihan semasa tertinggi pada tahun 2022 adalah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bank Negara Malaysia (BNM), Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), Lembaga Tabung Haji (LTH) dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (BANK RAKYAT). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 2.1**.

**CARTA 2.1**  
**LEBIHAN SEMASA TERTINGGI AGENSI PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2022**




Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022

2.4. Analisis Audit terhadap lebihan semasa pada tahun 2022 bagi lima Agensi Persekutuan berjumlah RM49.047 bilion adalah disumbangkan oleh perkara berikut:

- Pendapatan tahun semasa KWSP berjumlah RM37.404 bilion berbanding perbelanjaan berjumlah RM1.680 bilion menyebabkan lebihan pendapatan berjumlah RM35.724 bilion. Lebihan pendapatan ini disumbang oleh hasil pendapatan pelaburan kasar sejumlah RM38.753 bilion pada tahun 2022.
- Pendapatan BNM pada tahun 2022 berjumlah RM8.515 bilion berbanding perbelanjaan berjumlah RM1.529 bilion menyebabkan lebihan berjumlah RM6.986 bilion. Lebihan tahun semasa disumbang oleh pendapatan operasi yang terdiri daripada hasil rizab asing sejumlah RM8.303 bilion.
- Pendapatan tahun semasa LPPSA berjumlah RM5.176 bilion berbanding perbelanjaan berjumlah RM2.573 bilion menyebabkan lebihan pendapatan berjumlah RM2.603 bilion. Lebihan ini disumbang oleh pendapatan daripada pembiayaan perumahan sejumlah RM3.761 bilion pada tahun 2022.

- d. Pendapatan LTH tahun 2022 berjumlah RM3.158 bilion berbanding perbelanjaan berjumlah RM1.225 bilion menyebabkan lebihan pendapatan RM1.933 bilion. Lebihan pendapatan ini disumbangkan oleh hasil pendapatan pelaburan aset kewangan berjumlah RM2.772 bilion.
- e. Pendapatan tahun semasa BANK RAKYAT berjumlah RM6.246 bilion berbanding perbelanjaan berjumlah RM4.445 bilion menyebabkan lebihan pendapatan berjumlah RM1.801 bilion. Lebihan pendapatan ini disumbangkan oleh hasil pendapatan daripada pelaburan dana pendeposit berjumlah RM4.443 bilion.

2.5. Lima Agensi Persekutuan yang merekodkan kurangan semasa tertinggi pada tahun 2022 adalah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE), Perbadanan Aset Keretapi (RAC), Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 2.2**.



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022

2.6. Kurangan semasa lima Agensi Persekutuan pada tahun 2022 adalah berjumlah RM3.115 bilion seperti dalam **Carta 2.2** antaranya disebabkan oleh:

- a. Perbelanjaan FELDA pada tahun 2022 yang berjumlah RM1.947 bilion melebihi pendapatan berjumlah RM0.942 bilion kerana peningkatan penjejasan nilai

sebanyak RM0.742 bilion menyebabkan kurangan semasa sejumlah RM1.005 bilion. Perkara ini berlaku antaranya disebabkan oleh penjejasan nilai pelaburan sebanyak RM0.380 bilion, jumlah terhutang oleh syarikat subsidiari sebanyak RM0.193 bilion dan hutang peneroka sebanyak RM0.147 bilion.

- b. Perbelanjaan KWIE pada tahun 2022 yang berjumlah RM1.015 bilion melebihi pendapatan berjumlah RM0.025 bilion menyebabkan kurangan semasa KWIE sejumlah RM0.990 bilion. Perkara ini berlaku kerana KWIE tidak menerima sebarang hasil atas lebihan rebat/surcaj tarif elektrik berikutan peningkatan kos bahan api. Selain itu, dana KWIE juga digunakan bagi menampung perbelanjaan rebat sebagai pelan mitigasi untuk mengurangkan impak tarif elektrik kepada pengguna.
- c. Perbelanjaan RAC pada tahun 2022 yang berjumlah RM0.641 bilion melebihi pendapatan berjumlah RM0.157 bilion menyebabkan kurangan semasa sejumlah RM0.484 bilion. Perkara ini berlaku kerana terdapat penurunan hasil jualan barang lusuh berjumlah RM0.162 bilion pada tahun 2022.
- d. Perbelanjaan KWAN pada tahun 2022 yang berjumlah RM0.922 bilion melebihi pendapatan berjumlah RM0.569 bilion menyebabkan kurangan semasa sejumlah RM0.353 bilion. Perkara ini berlaku kerana terdapat perbelanjaan perolehan berkaitan vaksin COVID-19 berjumlah RM0.896 bilion.
- e. Perbelanjaan DBKL pada tahun 2022 yang berjumlah RM2.792 bilion melebihi pendapatan berjumlah RM2.509 bilion menyebabkan kurangan semasa sejumlah RM0.283 bilion. Perkara ini berlaku disebabkan peningkatan perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM0.267 bilion untuk penyenggaraan kemudahan dan perumahan awam serta pembersihan bandar.

2.7. Secara keseluruhannya, lebihan semasa Agensi Persekutuan adalah disumbangkan daripada janaan pendapatan aktiviti utama manakala kurangan semasa disebabkan oleh penurunan hasil, peningkatan perbelanjaan operasi dan penjejasan nilai pelaburan, pinjaman serta aset.

### **3. ASET DAN LIABILITI**

3.1. Pada tahun 2022, kedudukan aset bagi 130 Agensi Persekutuan adalah berjumlah RM2,491.931 bilion. Jumlah ini telah meningkat RM82.861 bilion (3.4%) berbanding kedudukan aset tahun 2021 yang berjumlah RM2,409.070 bilion. Kedudukan liabiliti pada tahun 2022 bagi 130 Agensi Persekutuan berjumlah RM903.613 bilion meningkat

RM119.896 bilion (15.3%) berbanding tahun 2021 berjumlah RM783.717 bilion. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 2.3**.



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022

3.2. Analisis Audit terhadap perbandingan antara aset dan liabiliti mendapati 126 Agensi Persekutuan mempunyai jumlah aset lebih tinggi berbanding jumlah liabiliti manakala empat Agensi Persekutuan menunjukkan jumlah liabiliti yang lebih tinggi berbanding jumlah aset. Butiran empat Agensi Persekutuan yang mempunyai jumlah liabiliti melebihi jumlah aset adalah seperti dalam **Jadual 2.2**.

**JADUAL 2.2**  
**AGENSI YANG MEMPUNYAI JUMLAH LIABILITI MELEBIHI JUMLAH ASET**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	JUMLAH ASET (a) (RM Bilion)	JUMLAH LIABILITI (b) (RM Bilion)	LIABILITI MELEBIHI ASET (a-b) (RM Bilion)	PENJELASAN
1.	Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)	1.364	1.756	(0.392)	Mempunyai Dana Pembangunan Lebuhraya Raya berjumlah RM875.59 juta belum dibelanjakan dan baki pinjaman Kerajaan berjumlah RM767.58 juta.
2.	Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)	5.621	5.746	(0.125)	Mempunyai obligasi terhadap terbitan sukuk berjumlah RM3.750 bilion.
3.	Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)	0.032	0.045	(0.013)	Memperuntukkan manfaat kakitangan berjumlah RM24.57 juta.
4.	Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM)	0.066	0.073	(0.007)	Mempunyai wang tahanan berjumlah RM37.09 juta yang masih dipegang.

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022

3.3. Secara keseluruhannya, 130 Agensi Persekutuan mempunyai aset berjumlah RM2,491.931 bilion berbanding liabiliti berjumlah RM903.613 bilion. Daripada jumlah ini, empat Agensi Persekutuan mempunyai liabiliti melebihi aset yang boleh memberi kesan terhadap komitmen Agensi Persekutuan pada masa hadapan.

#### **4. GERAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

4.1. Geran Kerajaan Persekutuan terbahagi kepada dua, iaitu daripada geran mengurus dan geran pembangunan. Geran mengurus disalurkan bagi tujuan membiayai kos operasi seperti bayaran sewa, utiliti, pengangkutan, emolumen serta kos pentadbiran Agensi Persekutuan bagi tahun semasa.

4.2. Geran pembangunan termasuk geran penyelidikan, geran amanah dan geran lain yang bertujuan untuk Agensi Persekutuan melaksanakan program dan aktiviti selaras dengan fungsi dan objektifnya. Geran pembangunan diluluskan dan disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk dibelanjakan berdasarkan tempoh yang ditetapkan. Pemberian geran pembangunan Kerajaan merupakan obligasi kepada Agensi Persekutuan untuk melaksanakan projek/program yang diberikan. Sehubungan itu, penggunaan geran pembangunan ini perlu dilunaskan mengikut perbelanjaan sebenar setelah obligasi tersebut dipenuhi oleh Agensi Persekutuan.

4.3. Pada tahun 2022, sebanyak 86 Agensi Persekutuan menerima geran mengurus dan pembangunan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM27.034 bilion. Sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 83 Agensi Persekutuan mempunyai baki geran pembangunan terkumpul yang belum dilunaskan berjumlah RM25.535 bilion.

4.4. Lima Agensi Persekutuan yang menerima geran mengurus dan pembangunan tertinggi adalah seperti dalam **Jadual 2.3**.

**JADUAL 2.3**  
**AGENSI PERSEKUTUAN YANG MENERIMA**  
**GERAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN TERTINGGI TAHUN 2022**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	TERIMAAN (RM Bilion)	PENJELASAN
1.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	3.755	Geran pelajaran dan keusahawanan yang telah mempunyai komitmen untuk dilunaskan.
2.	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	2.757	Geran mengurus, penyelidikan dan pembangunan termasuk peruntukan perbelanjaan caj bayaran projek PFI bagi 17 aset PFI.

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	TERIMAAN (RM Bilion)	PENJELASAN
3.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	1.944	Geran untuk program COVID-19 bagi membantu individu dan perniagaan yang terjejas akibat pengangguran atau pengurangan pendapatan. Antara program yang dilaksanakan adalah Program Subsidi Upah, Program Pengekalan Pekerjaan, Penjana Kerjaya, Penjana Gig, Skim Perlindungan Sendiri, Skim Perlindungan Prihatin Wanita, Program Perlindungan Sosial dan Latihan Bagi Pekerja Ekonomi Gig. Sehingga 31 Disember 2022, baki geran yang belum dilunaskan adalah RM0.105 bilion.
4.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	1.867	Geran untuk bayaran balik kos dana dan pelarasan pemberian diskau pinjaman pendidikan.
5.	Universiti Sains Malaysia (USM)	1.094	Geran mengurus, penyelidikan dan pembangunan.
<b>JUMLAH</b>		<b>11.417</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022

4.5. Pada 31 Disember 2022, antara Agensi Persekutuan yang mempunyai baki geran Pembangunan terkumpul tertinggi dan belum dilunaskan bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:

- a. RAC dan UNIMAS mempunyai baki geran pembangunan terkumpul dalam bentuk aset tetap dan projek dalam pelaksanaan. Tempoh pelunasan geran aset tetap bergantung pada anggaran hayat kegunaan aset tersebut.
- b. MARA mempunyai baki geran pelajaran dan keusahawanan di bawah RMKe-11 dan RMKe-12 yang telah mempunyai komitmen tetapi belum dilunaskan manakala baki geran pembangunan BSN yang dinyatakan dalam penyata kewangannya merupakan baki 13 dana skim yang belum dilunaskan pada akhir tahun 2022.
- c. Baki geran terkumpul LLM merangkumi dana pembangunan yang tidak bergerak bagi tempoh dua hingga 10 tahun melibatkan 28 projek pembangunan lebuh raya yang telah selesai. Dana tersebut diperuntukkan untuk bayaran pengambilan tanah selepas ukur halus dimuktamadkan, bayaran pampasan melalui tuntutan kos mahkamah oleh pemilik tanah dan bayaran pengambilan tanah.

4.6. Secara keseluruhannya, Agensi Persekutuan telah menggunakan geran mengurus dan pembangunan untuk melaksanakan obligasi yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, terdapat baki geran pembangunan terkumpul pada akhir tahun 2022 menunjukkan ada obligasi yang belum dilaksanakan atau diselesaikan sepenuhnya oleh Agensi Persekutuan.

## 5. PINJAMAN

5.1. Pada tahun 2022, sebanyak 24 Agensi Persekutuan mempunyai pinjaman berjumlah RM123.137 bilion. Analisis Audit mendapati 10 Agensi Persekutuan mempunyai baki pinjaman tertinggi, iaitu RM122.388 bilion (99.4%) berbanding jumlah keseluruhan pinjaman iaitu RM123.137 bilion. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.4**.

**JADUAL 2.4**  
**AGENSI PERSEKUTUAN YANG MEMPUNYAI BAKI PINJAMAN TERTINGGI TAHUN 2022**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	BAKI PINJAMAN (RM Bilion)
1.	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	62.083
2.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	41.500
3.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	8.659
4.	Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)	3.792
5.	Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK)	3.465
6.	Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)	0.767
7.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	0.708
8.	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	0.694
9.	Perbadanan Aset Keretapi (RAC)	0.420
10.	Bank Simpanan Nasional (BSN)	0.300
<b>JUMLAH</b>		<b>122.388</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022

5.2. Analisis Audit terhadap 10 Agensi Persekutuan mendapati empat Agensi Persekutuan mempunyai baki pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM5.338 bilion (4.4%). Penjelasan berkenaan pinjaman Kerajaan Persekutuan oleh empat Agensi Persekutuan adalah seperti dalam **Jadual 2.5**.

**JADUAL 2.5**  
**BAKI PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN OLEH AGENSI PERSEKUTUAN**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	BAKI PINJAMAN (RM Bilion)	PENJELASAN
1.	Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK)	3.465	Pinjaman bertujuan perolehan tanah dan sebahagian daripada kos pembinaan di Pulau Indah, Klang yang dikenali sebagai Port Klang Free Zone. Pinjaman telah dijadualkan semula untuk kali kedua pada 3 Julai 2017 dengan kadar faedah 4% setahun berserta penalti 2% setahun ke atas baki tertunggak. Tempoh pembayaran adalah selama 29 tahun bermula pada 2018 hingga 2047. Pada tahun 2022, bayaran balik berjumlah RM81.91 juta telah dijelaskan.
2.	Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM)	0.767	Pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai pembinaan Lebuh Raya Kuala Lumpur-Karak, Jambatan Pulau Pinang dan sebahagian Lebuh Raya Utara-Selatan telah dijadualkan semula pada tahun 2004 dan tiada faedah dikenakan ke atas pinjaman. Bagi tempoh 2020 hingga 2022, LLM telah membuat bayaran balik berjumlah RM100,000 setahun kepada Kementerian Kewangan.
3.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	0.686	Pinjaman di bawah kemudahan Tawarruq MoF 1 (RM0.285 bilion) bertujuan menyediakan bayaran perkhidmatan berkaitan operasi utama dan pemberian bantuan kos sara hidup kepada peneroka. Pinjaman MoF 2 (RM0.401 bilion) bertujuan membiayai bantuan sara hidup dan pendahuluan kepada peneroka. Pinjaman adalah pada kadar 2% setahun dengan tempoh pembiayaan masing-masing selama 5 dan 15 tahun. Pada tahun 2022, bayaran balik berjumlah RM0.151 bilion telah dijelaskan.
4.	Perbadanan Aset Keretapi (RAC)	0.420	Pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi pembelian 25 buah lokomotif diesel, 150 Bogie Pallet Wagon dan pembayaran elauan kepada jurutera pelatih. Pada tahun 2012, Kementerian Kewangan telah membuat penjadualan semula bermula tahun 2024 hingga 2028 dengan kadar faedah 6.5% setahun.
<b>JUMLAH</b>		<b>5.338</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022

5.3. Sebanyak tiga daripada empat Agensi Persekutuan telah menjadualkan semula tempoh bayaran balik pinjaman sehingga tahun 2047. Bagi LLM pula tiada jadual pembayaran balik pinjaman ditetapkan. Perkara ini memberi kesan kepada Kerajaan Persekutuan yang perlu menanggung kos kewangan melebihi tempoh sepatutnya.

5.4. Analisis Audit selanjutnya mendapati tiga Agensi Persekutuan membuat pinjaman baharu berjumlah RM10.708 bilion pada tahun 2022 daripada institusi kewangan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.6**.

**JADUAL 2.6**  
**PINJAMAN BAHRU TAHUN 2022**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	JUMLAH PINJAMAN (RM Bilion)	PENJELASAN
1.	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	5.000	Membayar pinjaman sedia ada yang matang pada tahun 2022 bagi menyediakan pembiayaan perumahan kepada penjawat awam. Pinjaman ini terdiri daripada pinjaman berjangka dan terbitan 9 siri Nota Jangka Sederhana Islamik yang dijamin oleh Kerajaan Malaysia pada kadar 3.69% hingga 4.81% dengan tempoh matang antara 3 hingga 30 tahun.
2.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	5.000	Menampung pinjaman pendidikan PTPTN (pelajar baharu dan sedia ada) dan pembiayaan semula hutang matang (rollover).
3.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	0.708	Pinjaman daripada Maybank Islamic pada kadar 4.1% dan tempoh bayaran balik 10 tahun. Pinjaman diambil bagi Pembinaan Pusat Rehabilitasi di Ipoh, Perak.
<b>JUMLAH</b>		<b>10.708</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022

5.5. Analisis Audit juga mendapati pinjaman baharu yang dibuat oleh dua daripada tiga Agensi Persekutuan adalah untuk membayar semula sebahagian hutang yang telah matang. Perkara ini memberi risiko kepada pertambahan komitmen dan keupayaan untuk menjelaskan pembayaran balik pinjaman.

5.6. Secara keseluruhannya, pinjaman yang tidak dibayar balik mengikut jadual yang ditetapkan menyebabkan penjadualan semula bayaran balik pinjaman yang akan memanjangkan tempoh pinjaman dan meningkatkan kos kewangan.

## 6. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

6.1. Syarikat subsidiari diwujudkan bagi tujuan melaksanakan sebahagian fungsi Agensi Persekutuan di samping menjana pendapatan daripada sektor perkhidmatan dan perniagaan yang ditawarkan. Agensi Persekutuan selaku agensi induk akan memperoleh pulangan dalam bentuk dividen daripada pelaburan yang dikeluarkan.

6.2. Pada tahun 2022, sebanyak 53 Agensi Persekutuan mempunyai 234 syarikat subsidiari dengan pelaburan berjumlah RM56.128 bilion. Sebanyak 212 syarikat subsidiari berstatus aktif manakala 22 syarikat subsidiari berstatus dorman. Bilangan syarikat subsidiari adalah seperti dalam **Jadual 2.7**.

**JADUAL 2.7  
SYARIKAT SUBSIDIARI AGENSI PERSEKUTUAN TAHUN 2022**

BIL.	STATUS	SYARIKAT SUBSIDIARI
1.	Aktif	212
2.	Dormant	22
<b>JUMLAH</b>		<b>234</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022

6.3. Pada tahun 2022, daripada 234 syarikat subsidiari tersebut, tiga syarikat subsidiari merupakan syarikat baru yang ditubuhkan oleh dua Agensi Persekutuan dengan nilai pelaburan sejumlah RM68.99 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.8**.

**JADUAL 2.8  
SYARIKAT SUBSIDIARI BAHRU TAHUN 2022**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	SYARIKAT SUBSIDIARI	JUMLAH PELABURAN (RM)	KERUGIAN TERKUMPUL (RM)	OBJEKTIF SYARIKAT
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Gobi Malaysia Growth Capital Sdn. Bhd.	45,215,720	(1,140,415)	Pemegang pelaburan.
		Endau Capital Sdn. Bhd.	23,767,454	(3,136,663)	
2.	Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)	PNX Group Sdn. Bhd.	5,000	(7,240)	Pengoperasian kedai serbaneka dan borong.

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari Agensi Persekutuan Tahun 2022

6.4. Analisis Audit terhadap 212 syarikat subsidiari yang aktif pada tahun 2022 mendapati 121 syarikat subsidiari bagi 38 Agensi Persekutuan telah mencatatkan keuntungan manakala 91 syarikat subsidiari bagi 28 Agensi Persekutuan mengalami kerugian. Sebanyak 66 daripada 212 syarikat subsidiari telah membayar dividen berjumlah RM1.910 bilion kepada 21 Agensi Persekutuan. Selain itu, sebanyak tujuh daripada 66 syarikat subsidiari telah membayar dividen berjumlah RM0.058 bilion kepada lima Agensi Persekutuan walaupun mengalami kerugian. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 2.9**.

**JADUAL 2.9  
SYARIKAT SUBSIDIARI YANG MEMBAYAR DIVIDEN TAHUN 2022**

BIL.	BILANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI	JUMLAH KEUNTUNGAN/ KERUGIAN (RM Bilion)	BILANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI	JUMLAH BAYARAN DIVIDEN (RM Bilion)
1.	121	6.029	59	1.852
2.	91	(2.075)	7	0.058
<b>JUMLAH</b>	<b>212</b>	<b>3.954</b>	<b>66</b>	<b>1.910</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022

6.5. Lima daripada 53 Agensi Persekutuan mempunyai pelaburan tertinggi melibatkan 123 syarikat subsidiari berjumlah RM54.574 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 114 (92.7%) syarikat subsidiari berstatus aktif manakala sembilan (7.3%) syarikat

subsidiari berstatus dorman pada tahun 2022. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.10**.

**JADUAL 2.10**  
**AGENSI PERSEKUTUAN YANG MEMPUNYAI**  
**PELABURAN TERTINGGI DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI TAHUN 2022**

<b>BIL.</b>	<b>AGENSI PERSEKUTUAN</b>	<b>SYARIKAT SUBSIDIARI</b>			<b>PELABURAN (RM Bilion)</b>
		<b>AKTIF</b>	<b>DORMAN</b>	<b>JUMLAH</b>	
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	59	2	61	37.257
2.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)	18	0	18	6.280
3.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)	13	0	13	5.288
4.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	9	5	14	3.561
5.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	15	2	17	2.188
<b>JUMLAH</b>		<b>114</b>	<b>9</b>	<b>123</b>	<b>54.574</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022

6.6. Analisis Audit mendapati 66 (53.7%) daripada 123 syarikat subsidiari bagi lima Agensi Persekutuan telah mencatatkan keuntungan tahun semasa berjumlah RM5.724 bilion manakala sebanyak 50 (40.7%) telah mengalami kerugian berjumlah RM1.997 bilion. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.11**.

**JADUAL 2.11**  
**AGENSI PERSEKUTUAN MEMPUNYAI SYARIKAT SUBSIDIARI**  
**YANG MEREKODKAN KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN TAHUN 2022**

<b>BIL.</b>	<b>AGENSI PERSEKUTUAN</b>	<b>SUBSIDIARI UNTUNG (Bil.)</b>	<b>JUMLAH KEUNTUNGAN (RM Bilion)</b>	<b>SUBSIDIARI RUGI (Bil.)</b>	<b>JUMLAH KERUGIAN (RM Bilion)</b>
		<b>(Bil.)</b>	<b>(RM Bilion)</b>	<b>(Bil.)</b>	<b>(RM Bilion)</b>
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	35	2.736	24	(0.707)
2.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)	8	2.062	5	(0.302)
3.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	4	0.626	5	(0.533)
4.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)	8	0.136	10	(0.138)
5.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	11	0.164	6	(0.317)
<b>JUMLAH</b>		<b>66</b>	<b>5.724</b>	<b>50</b>	<b>(1.997)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022

6.7. Analisis Audit selanjutnya mendapati sebanyak 37 (30.1%) daripada 123 syarikat subsidiari telah membayar dividen berjumlah RM1.879 bilion. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.12**.

**JADUAL 2.12**  
**SYARIKAT SUBSIDIARI YANG MEMBAYAR DIVIDEN PADA TAHUN 2022**

<b>BIL.</b>	<b>AGENSI PERSEKUTUAN</b>	<b>SYARIKAT SUBSIDIARI</b>	
		<b>BILANGAN</b>	<b>JUMLAH DIVIDEN (RM Bilion)</b>
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	17	1.086
2.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)	6	0.319
3.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	2	0.284

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	SYARIKAT SUBSIDIARI	
		BILANGAN	JUMLAH DIVIDEN (RM Bilion)
4.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)	7	0.156
5.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	5	0.034
<b>JUMLAH</b>		<b>37</b>	<b>1.879</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022

6.8. Selain itu, 12 syarikat subsidiari yang dimiliki oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Tabung Haji (LTH) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah mengalami kerugian selama tiga tahun berturut-turut sejak tahun 2020 hingga 2022. Pada tahun 2022, sebanyak 12 syarikat subsidiari mengalami kerugian sejumlah RM545.95 juta. Sebanyak tujuh daripada 12 syarikat subsidiari yang beroperasi di dalam negara mengalami kerugian sejumlah RM418.96 juta manakala baki lima syarikat subsidiari yang beroperasi di luar negara mengalami kerugian berjumlah RM126.99 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 2.13**.

**JADUAL 2.13**  
**SYARIKAT SUBSIDIARI YANG MENGALAMI**  
**KERUGIAN TIGA TAHUN BERTURUT-TURUT SEJAK TAHUN 2020 HINGGA 2022**

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	AKTIVITI UTAMA	NEGARA DIPERBADANKAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
<b>Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)</b>						
1.	FIC Properties Sdn. Bhd.	Pemegang Pelaburan	Malaysia	399.20	409.38	223.57
<b>Lembaga Tabung Haji (LTH)</b>						
2.	LTH Property Holdings 3 Limited	Pemegang Pelaburan - hartanah	United Kingdom	54.99	0.14	0.16
3.	LTH Property Holdings 2 Limited	Pemegang Pelaburan - hartanah	United Kingdom	42.56	22.11	73.83
4.	TH Marine Holdings (L) Inc.	Pemegang Pelaburan	Malaysia	6.21	63.62	83.71
5.	TH Hotel Terengganu Sdn. Bhd.	Perkhidmatan Perhotelan	Malaysia	0.01	0.07	1.43
<b>JUMLAH</b>				<b>103.77</b>	<b>85.94</b>	<b>159.13</b>
<b>Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)</b>						
6.	KWASA Europe S.A.R.L.	Pemegang Pelaburan	Luxembourg	15.43	3.71	238.03
7.	KWASA Europe I S.A.R.L.	Pemegang Pelaburan	Luxembourg	12.18	10.26	14.94
8.	KWASA Utama Sdn. Bhd.	Pembangunan Hartanah dan Pemegang Pelaburan	Malaysia	7.72	5.94	2.24
9.	Common Icon Sdn. Bhd.	Special Purpose Vehicle	Malaysia	3.69	0.36	0.47
10.	KWASA Singapore Duo Pte. Ltd.	Pemegang Pelaburan	Singapura	1.83	8.90	15.06
11.	YTR Harta Sdn. Bhd.	Pelaburan Hartanah	Malaysia	1.70	1.87	1.50
12.	PPNK Harta Sdn. Bhd.	Pembangunan dan Pengurusan Hartanah	Malaysia	0.43	3.39	0.28
<b>JUMLAH</b>				<b>42.98</b>	<b>34.43</b>	<b>272.52</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>545.95</b>	<b>529.75</b>	<b>655.22</b>

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari Tahun 2022 dan 2021

6.9. Penjelasan lanjut berkenaan syarikat subsidiari yang mengalami kerugian tertinggi dalam dan luar negara adalah seperti berikut:

- a. Syarikat FICP yang dimiliki oleh FELDA mengalami kerugian kerana peningkatan kos kewangan pembiayaan, penjejasan nilai pelaburan dalam syarikat bersekutu dan peruntukan rosot nilai penghutang yang tinggi.
- b. Syarikat LTH Property Holdings 2 Limited dan Property Holdings 3 Limited yang dimiliki LTH mengalami kerugian disebabkan peningkatan rosot nilai harta tanah manakala pada tahun 2020 dan 2021, Property Holdings 3 Limited tidak menjana pendapatan.
- c. Dua syarikat subsidiari milikan KWSP iaitu KWASA Europe S.A.R.L. dan KWASA Europe I S.A.R.L. mengalami kerugian disebabkan hasil dijana tidak dapat menampung perbelanjaan yang sebahagian besarnya adalah dalam bentuk pembayaran faedah kepada KWSP.

6.10. Secara keseluruhannya, 53 Agensi Persekutuan yang mempunyai pelaburan dalam 234 syarikat subsidiari bernilai RM56.128 bilion, hanya 212 syarikat subsidiari yang aktif. Sebanyak 66 daripadanya telah memberi pulangan dividen berjumlah RM1.910 bilion kepada 21 Agensi Persekutuan. Perkara ini menunjukkan pelaburan Agensi Persekutuan dalam syarikat subsidiari tidak memberikan pulangan yang memuaskan.

## 7. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik tatakelola pengurusan kewangan di Agensi Persekutuan, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

- a. mengambil langkah penjimatan perbelanjaan dan memperkasakan usaha penjanaan hasil bagi membolehkan lebihan hasil digunakan untuk melaksanakan fungsi dan objektifnya dengan berkesan;
- b. memastikan keupayaan Agensi Persekutuan untuk meneruskan operasi berdasarkan usaha berterusan dan mengurangkan liabiliti yang bersifat komitmen kewangan;
- c. memastikan geran dibelanjakan mengikut tujuan dalam tempoh yang ditetapkan. Agensi Persekutuan hendaklah merujuk kepada Kementerian berkaitan baki geran yang tidak bergerak agar penggunaan geran dapat dioptimumkan untuk kepentingan golongan sasar;

- d. memastikan pinjaman yang dibuat oleh Agensi Persekutuan digunakan bagi melaksanakan aktiviti utama dan dijelaskan mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan; dan
- e. mengkaji semula penubuhan syarikat subsidiari yang dorman, mengalami kerugian dan tidak memberikan pulangan sewajarnya supaya tidak membebankan Agensi Persekutuan menanggung kos operasi syarikat subsidiari.